

ST. PATRICK'S CHURCH, TAWAU  
BIENNIAL GENERAL MEETING 双年大会  
MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN  
28.03.2021, 2:30PM, HOP

MEN  
DORONG  
TAHUN  
MEN  
DORONG

勉勵之年

EN YEAR OF  
COURAGE  
MENT

勉勵  
MEN  
DORONG  
EN  
COURAGE

## **GEREJA ST. PATRICK, TAWAU**

### **NOTIS MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN 2021**

Dengan ini notis diberikan bahawa Mesyuarat Agung Dwitahunan untuk Paroki Gereja St. Patrick akan diadakan pada Ahad, 28 Mac 2021, 2.30 petang di Rumah Doa.

#### **AGENDA**

1. Pujian dan Penyembahan
2. Doa Pembukaan
3. Pengambilan Kehadiran
4. Laporan daripada Warden dan Setiausaha Kehormat
5. Pengesahan Minit Mesyuarat Dwitahunan yang telah diadakan pada 07 April 2019
6. Laporan Kewangan
7. Bajet 2021-2022
8. Pembubaran Majlis Gereja untuk 2019-2020 dan ucapan terima kasih.
9. Pengumuman Warden Rektor
10. Perlantikan Juruaudit Kehormat
11. Pemilihan Ahli Majlis Gereja untuk 2021-2022
12. Perkara-perkara lain
13. Doa Berkat

Cik Helena Chai  
(Setiausaha Kehormat 2019/2020)

## Laporan Rektor untuk Mesyuarat Agung Dwitahunan 2021/2022

### Tahun Mendorong

*Jadi karena dalam Kristus ada nasihat, ada penghiburan kasih, ada persekutuan Roh, ada kasih mesra dan belas kasihan, karena itu sempurnakanlah sukacitaku dengan ini: hendaklah kamu sehati sepikir, dalam satu kasih, satu jiwa, satu tujuan. (Filipi 2:1-2)*

Dua tahun kebelakangan ini (2019-2020) merupakan tahun-tahun yang ketidaktentuan – masa baik dan buruk, kegembiraan dan kesedihan, kemajuan dan tiada kemajuan. Kita memang melihat kemajuan dan semangat pada tahun 2019 dalam semua perkara yang kita ingin lakukan, tetapi semua nampaknya diringkaskan dan dihentikan pada tahun 2020. Ianya bukan hanya sukar bagi setiap anggota jemaah dan keluarga mereka, tetapi juga sebagai sebuah gereja. Dari 18 Mac-31 Disember, kita hanya dapat mengadakan 4 kali kebaktian dalam bangunan gereja. Pejabat gereja kita juga ditutup pada masa yang sama.

Pandemik ini juga telah merupakan suatu ujian sama ada kita telah mencapai tema gereja kita iaitu Dari Kekuatan kepada Kekuatan. Pandemik ini telah menguji ketahanan dan kemampuan para pemimpin gereja kita untuk menyesuaikan diri, menguji ikatan persaudaraan dan keharmonian setiap keluarga dan juga menguji iman dan kesetiaan setiap anggota jemaah terhadap Tuhan dan kehendak-Nya.

Saya bersyukur kepada Tuhan atas tema gereja kita yang telah membantu kita untuk memberi tumpuan dan menguatkan tiga bahagian kehidupan gereja kita - kepemimpinan, keluarga dan ibadah sebelum berlaku wabak ini. Tanpa kita sedari, Tuhan telah mempersiapkan kita untuk masa seperti ini! Walaupun kesannya mungkin berbeza dari seorang anggota jemaah kepada anggota jemaah yang lain atau sebuah keluarga kepada keluarga yang lain, saya dengan yakin dapat mengatakan dan bersyukur kepada Tuhan bahawa Tuhan telah menguatkan kita melalui serangan wabak Covid-19.

Ahli-ahli Majlis Gereja kita telah bertindak dengan segera dan membuat keputusan untuk mengadakan kebaktian dan pelayanan-pelayanan lain secara dalam talian. Hampir semua pelayanan iaitu ibadah hujung minggu, pertemuan doa dan kelompok sel (kanak-kanak, muda-mudi, belia, dewasa, warga emas) dijalankan secara dalam talian pada tahun 2020. Bahkan pelayanan doa dan kaunseling juga dilakukan secara dalam talian.

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana semua anggota jemaah dapat menyesuaikan diri kepada perubahan tersebut. Ianya merupakan salah satu ujian ketahanan dan kekuatan gereja. Malangnya, ada sebahagian anggota jemaah tidak dapat mengikuti ibadah secara dalam talian bukan kerana mereka tidak mahu berbuat demikian tetapi disebabkan oleh masalah jaringan internet yang lemah atau kekangan-kekangan lain.

Saya juga berterima kasih kepada Tuhan untuk para paderi dan staf gereja kerana mereka belajar, menyesuaikan diri dan mengatasi semua cabaran untuk memastikan semua anggota jemaah dilayani secara dalam talian. Mereka harus mempelajari kemahiran-kemahiran baharu seperti mengadakan perjumpaan menggunakan zoom dan ibadah secara dalam talian. Para staf menghabiskan masa berjam-jam untuk belajar merakam dan menyunting secara digital, siaran

langsung, pertemuan melalui zoom dan banyak lagi. Kini kita bersyukur kerana kita dapat mengadakan ibadah mingguan dalam bangunan gereja dan secara dalam talian.

Saya juga berterima kasih kepada Tuhan atas pemberian persepuluhan dan persembahan daripada anggota-anggota jemaah yang setia. Pada mulanya, jumlah pemberian/persembahan mengalami penurunan besar semasa wabak Corona dan PKP pertama, tetapi ia terus meningkat setelah beberapa bulan apabila para anggota jemaah menyesuaikan diri dengan norma-norma baharu dalam memberi persepuluhan dan persembahan. Untuk tahun 2020, kedudukan kewangan (aliran tunai) gereja juga menjadi stabil kerana pengurangan Taksiran Diosis sebanyak 50%, Subsidi Gaji Kerajaan, Pemberian kembali Sukarela Staf dan kos operasi yang lebih rendah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Saya percaya anda dapat membaca maklumat lain dalam laporan warden, Setiausaha, Bendahari dan pelayanan-pelayanan lain mengenai segala peristiwa dan cabaran yang kami hadapi dan atasi dalam dua tahun kebelakangan ini.

### **Tahun Mendorong**

Menjelang akhir tahun lalu, saya berdoa dan meminta petunjuk daripada Tuhan kerana tahun 2021 juga kelihatan suram dan tidak menentu. Beberapa pemikiran dan gambaran melintas di fikiran saya, dan saya mencatatnya dalam jurnal saya. Saya merenungkannya dan berdoa untuk beberapa hari lagi untuk memastikan mereka berasal dari Tuhan.

Pemikiran dan gambaran yang ada dalam fikiran saya adalah ini. Saya melihat empat orang rakan membawa rakan mereka yang lumpuh kepada Yesus dan suatu dorongan muncul di hati saya. Gambar yang lain ialah Yesus muncul dan mendorong dua orang murid-Nya ketika mereka berjalan ke Emaus, dan yang lain adalah Tuhan mendorong Elia di gua Gunung Horeb (Sinai), bukan melalui api atau angin tetapi dengan suara yang kecil. Juga, ayat-ayat Firman seperti Filipi 2: 1-4, 1 Samuel 23 di mana Yonatan mendorong/menguatkan Daud memenuhi roh saya.

Menjelang akhir tahun, dengan pemikiran dan doa, maka tema Tahun Saling Mendorong menjadi lebih pasti. Saya telah membuat kesimpulan bahawa ini akan menjadi hala tuju bagi kita sebagai sebuah Gereja pada musim ini. Saya berkongsi perkara ini dengan pastor zon saya dan kami memutuskan untuk menggunakan tema ini. Kami masih akan memberi fokus kepada tiga bidang Kepimpinan, Keluarga dan Ibadah pada Tahun Mendorong ini.

Apa yang boleh kita lakukan pada Tahun Saling Mendorong? Mari saya mulakan dengan prinsip dalam Filipi fasal 2:

Filipi 2: 1-2 - Jadi kerana dalam Kristus ada nasihat, ada penghiburan kasih, ada persekutuan Roh, ada kasih mesra dan belas kasihan, kerana itu sempurnakanlah sukacitaku dengan ini: hendaklah kamu sehati sepikir, dalam satu kasih, satu jiwa, satu tujuan.

#### **1. Berusaha Mendorong**

Jadilah pendorong. Ramai orang rasa kecewa dengan wabak ini. Banyak orang menerima kesan dari segi kesihatan, keperluan kewangan dan tekanan emosi. Pandemik ini juga menyebabkan tekanan dalam keluarga, di tempat kerja dan juga di gereja. Marilah kita berusaha untuk mendorong dan "berusahalah memelihara kesatuan Roh oleh ikatan damai

sejahtera." (Efesus 4: 3). Kata-kata dorongan dapat membangkitkan roh, menenangkan jiwa, memadamkan api dan menyembuhkan luka.

Marilah kita saling mendorong untuk terus kuat dan terus maju. Pandemi ini bertujuan untuk melumpuhkan semua orang, tetapi dorongan kita akan dapat membantu satu sama lain untuk mengatasinya. Dari segi pelayanan, kita berusaha untuk mendorong lebih ramai jemaah untuk bangkit menghadapi cabaran baharu, melayani dan memimpin di gereja. Kita harus tetap melayani tanpa mengambil kira situasi atau keadaan dan jangan membiarkan apapun menghalang kita daripada melayani dan memimpin.

## 2. Berusaha memberi penghiburan

Jadilah penghibur. Ramai orang mengalami kehilangan dalam wabak ini – kehilangan peribadi yang mereka kasihi, kehilangan punca pendapatan dan lain-lain. Ramai orang yang kecewa atau masih bersedih. Semua yang tinggal dalam Kristus boleh menjadi penghibur. Rasul Paulus berkata, "Terpujilah Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, Bapa yang penuh belas kasihan dan Allah sumber segala penghiburan, yang menghibur kami dalam segala penderitaan kami, sehingga **kami sanggup menghibur mereka, yang berada dalam bermacam-macam penderitaan dengan penghiburan yang kami terima sendiri dari Allah.**" (2 Korintus 1: 3-4). Menjadi penghibur bermaksud berjalan bersama. Apa yang kita perlukan hanyalah kasih Tuhan untuk berempati terhadap orang yang kecewa/bersedih.

## 3. Berusaha untuk menolong

Jadilah pemberi. Kita semua dapat menyumbang dengan cara dan anugerah yang Tuhan berikan kepada kita. Saya percaya kita dapat menjadi berkat yang lebih besar dalam dua tahun akan datang. Sebenarnya, kita masih dapat memberi adalah bukti anugerah dan kebaikan Tuhan dalam hidup kita. Kita mungkin tidak dapat menyelamatkan seluruh dunia, tetapi kita akan dapat membawa perubahan yang besar kepada peribadi atau keluarga yang kita bantu. Saya selalu terharu dengan ayat Alkitab ini mengenai kebaikan - *Dan oleh sebab kamu telah tahan uji dalam pelayanan itu, mereka memuliakan Allah karena ketaatan kamu dalam pengakuan akan Injil Kristus dan karena kemurahan hatimu dalam membagikan segala sesuatu dengan mereka dan dengan semua orang* (2 Korintus 9:13). Kebaikan kita akan dinyatakan dalam kesyukuran, pujian dan kemuliaan kepada Tuhan.

Maka itu, mari kita melakukan yang berikut untuk dua tahun akan datang:

- Kita saling mendorong untuk bertumbuh secara rohani
- Kita menguatkan lebih ramai orang untuk melayani
- Kita mengangkat mereka yang lemah dan terluka
- Kita menolong mereka yang memerlukan

### **Bagaimana Tahun Saling Mendorong dapat dilaksanakan selama dua tahun akan datang?**

Kami akan berkongsi lebih banyak strategi dan pelayanan pada bulan-bulan akan datang semasa kita melalui badai ini. Berikut adalah pandangan secara umum:

### **2021**

Saya menjangkakan pelayanan dalam gereja akan pulih dengan lambat. Masa diperlukan untuk membina semula keyakinan untuk kembali mengikuti ibadah di gereja, acara-acara dan pertemuan kelompok sel. Ini juga bergantung kepada suntikan vaksin, kelonggaran SOP, dan penurunan kadar jangkitan Covid-19. Pertempuran melawan wabak ini masih berterusan.

Oleh itu, secara beransur-ansur kita akan mengadakan lebih banyak pertemuan di gereja apabila keadaan bertambah baik kerana keselamatan semua anggota jemaah adalah keutamaan kita. Sebilangan besar pelayanan masih dijalankan secara dalam talian untuk tahun 2021. Pasukan pastoral dan pelayanan akan terus mencari cara kreatif yang baharu untuk menjangkau dan memenuhi keperluan semua anggota. Kami juga mengalu-alukan cadangan dan nasihat untuk meningkatkan pelayanan kita secara dalam talian.

## **2022**

Dengan rahmat Tuhan, kita berharap dapat memulakan semula semua pelayanan di dalam gereja atau secara bersemuka pada tahun 2022. Kita juga harus menyedari bahawa norma baharu penjarakan fizikal dan pelitup muka adalah langkah sementara untuk mengekang wabak. Kita tidak boleh merasa puas atau memiliki mentaliti kepompong. Ramai di antara kita mula merasa tidak selesa atau janggal ketika bertemu orang lain selain keluarga kita. Kita mula kehilangan sedikit perikemanusiaan kita. Marilah kita terus mengingatkan diri kita bahawa kita diciptakan untuk hidup sebagai sebuah masyarakat - dengan keluarga terdekat, keluarga Tuhan kita (gereja) dan masyarakat pada umumnya

Oleh itu, sebagai sebuah gereja, marilah kita saling mendorong dan saling menyokong dalam dua tahun akan datang. Kita juga dipanggil untuk menjadi garam dan terang untuk mendorong dan menjadi berkat bagi masyarakat kita.

## **Kesimpulan**

Saya percaya sebagai sebuah gereja kita dapat membawa perubahan dan berkat kepada dunia yang dilanda kesuraman dan kesusahan. Saya percaya dua tahun akan datang, keluarga, gereja dan masyarakat kita akan menjadi lebih sihat dan kuat ketika kita melangkah untuk menjadi pendorong.

Marilah kita mula berfikir tentang dorongan, bertekad untuk menjadi pendorong dan mula mendorong seseorang. Mari kita mulakan dengan keluarga dan kelompok sel kita dan seterusnya kepada seluruh gereja, tetangga dan masyarakat kita.

Marilah jadikan Gereja St Patrick dan Tawau sebuah tempat yang lebih baik dalam dua tahun akan datang.

**Minit Mesyuarat Agung Dwitahunan Paroki St Patrick, Tawau**  
*Diadakan pada Ahad, 07 April 2019, 7:30 malam, di Rumah Doa.*

Kehadiran: Ahli yang terdaftar: 291, Pemerhati: 30  
Penterjemah ke Mandarin: Cik Annie Chiew  
Penterjemah ke Bahasa Malaysia: Encik Sim Ka Vei

Kami merakamkan ucapan takziah kepada Warden Jemaah BM kami, Saul Simon atas pemergian abang beliau di Miri, Sarawak, dan dia harus berada di Miri. Oleh itu, dia memohon maaf kerana tidak dapat menghadiri Mesyuarat Dwitahunan (BGM) ini.

Kami mengucapkan terima kasih kepada Pasukan Pujian Penyembahan kerana telah menggubah Lagu Tema yang berjudul 'Daripada Kekuatan Kepada Kekuatan'

Mesyuarat dimulakan dengan

**1. Penyembahan**

1.1 Pujian dan Penyembahan bermula pada pukul 7.35pm

**2. Doa Pembukaan**

2.1 Mesyuarat dimulakan dengan doa pembukaan oleh Bisyop John Yeo pada pukul 7.45pm

**3. Panggilan Kehadiran/Kuorum**

3.1 Dengan jumlah kehadiran 291 anggota berdaftar, kuorum dibentuk dan mesyuarat diteruskan. 30 orang pemerhati hadir.

**4. Laporan-laporan**

**Laporan Rektor** - seperti yang dilampirkan dalam Laporan BGM.

4.1 Bisyop John membaca laporannya dan membuka untuk pertanyaan sekiranya ada komen.

4.2 Tiada komen yang berbangkit daripada laporan Rektor

4.3 Laporan tersebut diusulkan untuk diterima oleh Encik Tan Lip Tung dan disokong oleh Encik Vincent Tai. Semua hadirin bersetuju.

**5. Pengesahan Minit BGM yang diadakan pada 9 April 2017**

5.1 Pembedulan pada senarai nama, nama-nama yang seharusnya:  
#206 - Mauming Singkung  
#235 - Preaziah binte Singkong  
#246 - Sarti Petrus

Dengan pembedulan di atas, Minit mesyuarat diusulkan sebagai benar oleh Encik Liew Lin Yu dan disokong oleh Puan Shiak Fon Lye (Lilian). Semua hadirin bersetuju.

**6. Perkara-perkara berbangkit dari Minit BGM lalu yang diadakan pada 9 April 2017**

**6.1 Anak-anak Anggota Gereja Kita yang Belajar di Luar Negeri**

Dengan maklumat dan nombor telefon yang diberikan kepada ibu bapa untuk anak-anak mereka yang belajar di luar negeri, Faith Christian Center di KL dan Curtin University di Miri, Sarawak, telah memberitahu kami bahawa anak-anak kita menghadiri kebaktian di gereja mereka.

**7. Laporan Kewangan - Dicetak dan dilampirkan**

7.1 Bendahari kehormat Encik Chang Yee Vui membentangkan dan menjelaskan secara terperinci akaun yang telah diaudit untuk tahun-tahun yang berakhir pada 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018.

7.2 Akaun 2018 menunjukkan defisit sebanyak RM240,411.30 disebabkan oleh sumbangan sebanyak RM200,000.00 kepada Sekolah Visi dan RM100,000.00 kepada Dana Misi. Kedua-dua perbelanjaan ini tidak dianggarkan dalam bajet kami. Kita mengucapkan terima kasih kepada Bishop Diosis kita Bisyp Datuk Melter Jiki Tais atas kelulusan untuk mengecualikan jumlah ini dari Taksiran Diosis.

7.3 Komen dan maklum balas terhadap Laporan Kewangan

7.3.1 Pastor Dr. James Ku: Kita bersyukur kepada Tuhan atas hati jemaah kita yang rela memberi. Kita memberi sebanyak 1/3 daripada jumlah pungutan persembahan kita kepada Taksiran Diosis. Kita telah memberi melebihi RM1,000,000.00 (setakat ini tertinggi di Diosis). Selain daripada Persepuluhan dan Persembahan, anggota jemaah kita juga memberi dana dengan murah hati dari semasa ke semasa apabila adalah keperluan, seperti Dana Pembangunan Tanah Perkuburan dan lain-lain.

Sesungguhnya kita memuji Tuhan kerana kesetiaan dan penyediaan-Nya. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada jemaah atas pemberian mereka yang murah hati.

7.4 Laporan Kewangan itu diusul untuk diterima oleh Puan Chung Shuk Yong dan disokong oleh Encik Leong On Wha Raymond, semua hadirin bersetuju.

7.5 Kami merakamkan ucapan terima kasih kepada Bendahari Kehormat Encik Chang Yee Vui dan Juruaudit Kehormat Encik Liew Pei Kiong dan semua kakitangan bahagian akaun.



## **8. Bajet 2019 dan 2020**

- 8.1 Bendahari Kehormat Encik Chang Yee Vui membentangkan belanjawan untuk tahun 2019 dan 2020. Bajet tersebut telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kewangan yang terdiri daripada Bisyp John Yeo, Encik Chai Tshun Ket Brian, Encik Pang Kyun Fung (Jap) dan Encik Wong Kee Che (KC). Bajet ini kemudian dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Gereja yang diadakan pada 19 Mac 2019.
- 8.2 Komen dan maklum balas
  - 8.2.1 Kenaikan dalam beberapa perbelanjaan pentadbiran adalah disebabkan oleh perintah/tuntutan kerajaan untuk gaji minimum.
- 8.3 Oleh kerana tidak ada sebarang komen lain, Encik Chin Ket Kong (Matthias) telah mencadangkan bajet ini diterima dan disokong oleh Encik Chong Vun Vui (Frederick). Semua hadirin bersetuju.
- 8.4 Kami merakamkan jutaan terima kasih kepada Bendahari Kehormat dan Jawatankuasa Kewangan.

## **9. Laporan Warden - seperti yang dicetak**

Warden Rektor, Pastor Dr. James Ku melaporkan gabungan laporan Warden (Encik Ho Ken Kong Bahagian Bahasa Cina dan Encik Saul Simon Bahagian BM).

Kami mengucapkan takziah kepada keluarga Warden bahagian Bahasa Inggeris, mendiang Rev James Wong Kim Khui yang telah meninggal dunia pada 12 Mei 2018. Kita mengingatnya dengan ucapan syukur atas kesetiannya selama beberapa dekad.

## **10. Laporan Setiausaha Kehormat– seperti yang dicetak**

Seperti yang dilaporkan, Pujian dan Kemuliaan bagi Tuhan kita atas Perayaan Kesyukuran Ulang Tahun ke-Seratus yang disambut pada 8 Julai 2017. Kita memuji dan bersyukur kepada Tuhan atas kesetiaan-Nya.

## **11. Laporan-laporan lain – Muka surat 15-39**

Dibuka untuk komen. Bisyp John Yeo mengalu-alukan komen walaupun selepas mesyuarat ini, Bisyp dan Ahli-ahli Majlis Gereja yang baharu akan memberi perhatian kepada komen dan nasihat dari sidang jemaah.

## **12. Pembubaran Majlis Gereja untuk tahun 2017/2018**

- 12.1 Bisyp John Yeo mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis Gereja yang telah setia melayani sepanjang tempoh 2017/2018.
- 12.2 Bisyp John Yeo kemudian mengisytiharkan pembubaran Majlis Gereja untuk 2017/2018.
- 12.3 Cik Helena Chai dilantik untuk mencatat Minit Mesyuarat ini

## **13. Pengumuman Warden Rektor**

- 13.1 Bisyp John Yeo mengumumkan pelantikan semula Pastor Dr. James Ku sebagai Warden Rektor.

#### 14. Pemilihan Ahli-ahli Majlis Gereja untuk tahun 2019/2020

##### 14.1 Pemilihan 8 Ahli Jawatankuasa

14.1.1 Sepuluh (10) pencalonan telah diterima, hanya lapan orang (8) akan dipilih. Pengundian telah dijalankan.

Calon-calonnya ialah:

Encik Brian Chai Tshun Ket	Encik Pang Kyun Fung, (Jap)
Encik Cheng Kok Siong	Encik Wong Kee Che (KC)
Encik Lee Chung Liang David	Encik Wong Kae Nicholas
Puan Thien Kon Kiun Evelyn	Encik Mauming Singkung
Encik Heng Yee Yong	Encik Gerald Caluste

14.1.2 Makanan ringan disajikan semasa proses pengiraan undi dilakukan.

14.1.3 Warden Rektor, Pastor Dr. James Ku mengumumkan keputusannya:

8 orang ahli yang terpilih:

Encik Brian Chai Tshun Ket	Encik Mauming Singkung
Encik Cheng Kok Siong	Encik Pang Kyun Fung (Jap)
Encik Heng Yee Yong	Puan Thien Kon Kiun Evelyn
Encik Lee Chung Liang David	Encik Wong Kee Che (KC)

14.1.4 Ahli EXCO

Bishop John Yeo mengumumkan bahawa jawatan-jawatan berikut hanya mempunyai satu pencalonan:

Warden Sidang Jemaah Bahasa Inggeris	- Encik Chong Vun Vui Frederick
Warden Sidang Jemaah Bahasa Cina	- Encik Ho Ken Kong
Warden Sidang Jemaah Bahasa Malaysia	- Encik Saul Simon
Setiausaha Kehormat	- Cik Chai Su Lan @Helena
Bendahari Kehormat	- Encik Chang Yee Vui

#### 15. Pelantikan Juruaudit Kehormat

15.1 Bisyp John Yeo mengumumkan pelantikan semula Encik Liew Pei Kiong sebagai Juruaudit Kehormat untuk 2019 dan 2020

#### 16. Perkara-perkara berbangkit

16.1 Bisyp John Yeo bertanya jika ada perkara-perkara lain yang perlu dipertimbangkan dan dibincang oleh Ahli-ahli Majlis Gereja.

16.2 Tiada perkara yang berbangkit

**17. Doa Berkat**

- 17.1 Oleh kerana tidak ada perkara berbangkit, Bisyop John Yeo mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang telah hadir ke mesyuarat ini.
- 17.2 Bisyop juga mengucapkan terima kasih kepada semua 15 orang calon yang telah menawarkan diri untuk melayani sebagai Ahli Majlis Gereja.
- 17.3 Kemudian Bisyop mempersilakan Ahli-ahli Majlis Gereja yang baharu dan Auditor Kehormat ke hadapan gereja. Beliau mendorong mereka dengan petikan Firman 1 Petrus 5: 1-4 dan mendoakan mereka.
- 17.4 Mesyuarat diakhiri dengan doa yang dipimpin oleh Bisyop John Yeo pada jam 9.50 malam.

Minit Mesyuarat disediakan oleh:  
Chai Su Lan @Helena  
Setiausaha Kehormat 2019-2020

**Lampiran A  
Kehadiran BGM 2019**

1	Agus Tebong
2	Agustina Bulo
3	Agustina Renda
4	Alvin Petrus
5	Alwi Anak Sanji
6	Anzen David
7	Artyni Petrus
8	Bertha Karambe
9	Bertha Rante Binti Sampe
10	Bui Lee Lin
11	Canon Mungga
12	Chai Su Lan Helena
13	Chai Tshun Ket
14	Chan Mei Yong
15	Chan Sui Wah
16	Chan Suk Yee
17	Chan Tak Wing
18	Chang Wee Li Wendy
19	Chang Yee Vui
20	Chang Yin Chim Anthony
21	Chang Yun Mui
22	Che Chiew Yen Johnny
23	Cheng Kok Siong
24	Chiew Kim Hua
25	Chiew Sui Nyuk
26	Chin Ai Ai Jennica
27	Chin Choo Yan Doris
28	Chin Ket Ken
29	Chin Ket Kong Matthias
30	Chin Kon Voon
31	Chin Lik San Rickson
32	Chin Oi Chin
33	Chin Tse Fui Silvia
34	Chin Tse Hung
35	Chin Vui Chong
36	Chin Yun Wui Jeffrey
37	Chok Chuk Jiun Michelle
38	Chok Li Jiun Susana
39	Chok Nyuk Kiau
40	Chok Wan Jiun Jeannette
41	Chok Yuk Kong William
42	Chong En Piau
43	Chong Fui Lim Robert

44	Chong Kon Hung
45	Chong Li Ling
46	Chong Loi Fook
47	Chong Nyet Lin
48	Chong Siew Yen @ Michelle
49	Chong Siew Yin
50	Chong Su Pin
51	Chong Vun Thau
52	Chong Vun Vui
53	Choo Siow Chin Sophie
54	Chu Chee Ming
55	Chu Sui Fun
56	Chu Yean Foon
57	Chua Soon Ming
58	Chua Soon Suang
59	Chua Teck Hock
60	Chuah Poh Khim
61	Chung Dat Yong
62	Chung Guan Vun Yvonne
63	Chung Kui Fung
64	Chung Nyuk Hiong
65	Chung Pitt Vun @ Lucas
66	Chung Shuk Yong
67	Chung Tat Seng
68	Chung Yu Moi Jenny
69	Damaris Kombong Sampe S
70	Damaris Patoding
71	Danie Danri Nome
72	Daniel Sampie Konda
73	Danny Kan Fu Kang
74	David Suleman Daniel
75	Davidson Petrus
76	Debora Matias
77	Delita Rombe
78	Edi Yusuf Menjari
79	Edwin Lumban Radja
80	Elisabet Loko
81	Elizebeth Bt Sapu
82	Elson Yohanes
83	Emelda Sagon Mery
84	Epi Londa
85	Erna Arung
86	Ezra Tutik Lestari

87	Felomina Sabindo
88	Fresshella Ak Ujoh
89	Gampuka Annie
90	Gerald Caluste
91	Han Dju Cheng
92	Han Ji Wa Grace
93	Hana Yohanis
94	Heng Yee Yong
95	Hermin Mangalik
96	Hiew Sui Fun Jeani
97	Ho Kee Chung
98	Ho Ken Kong
99	Ho Soong Kiau
100	Ho Yun Kiun
101	Hong Hock Huen @ Hong Teck Hung Brian
102	Hong Ive
103	Jackson Samuel
104	Jemi Rapa
105	Jemi Yohanis
106	Jepi Toban Seru
107	Jeremis Samuel
108	Jomalyn S Villarta
109	Jong Kae Shin
110	Julie Ann Alejandro
111	Julius Bernadus
112	Junita Naober
113	Kamaruddin Abdul Gani
114	Kelly Wong Mui Fah
115	Ker Yee Fang Eva
116	Khong Sook Peek
117	Khoo Chang Bong
118	Khoo Sze Ming
120	Koh Ai Su
119	Koh Nyuk Lin
121	Koh Siew Yong
122	Kok Feh Ken
123	Kong Chew Yong
124	Kong Chin Leong
125	Kong Hon Ngen
126	Kong Soek Moi
127	Kong Soon Ting
128	Kristina Paulus
129	Kristina Sabu Stepanus
130	Ku Fon Kiew James

131	Ku Oi Kyun
132	Ku Tak Ping
133	Lareus Loko
134	Lau Sung Hui
135	Lau Sung Tsui
136	Lee Chee Meng
137	Lee Chung Liang
138	Lee Chung Teck
139	Lee Hee Ha
140	Lee Jia Yit Amanda
141	Lee Kim Yen Karen
142	Lee Siew Yun
143	Lee Thau Fah
144	Lee Yin Mei
145	Lee Yun Oi Helen
146	Leong On Wha Raymond
147	Leung Oi Lun
148	Leung Suk Ching
149	Liew Lin Yu
150	Liew Pei Kiong
151	Lim Bun Hui
152	Lim Chang Gyun James
153	Lim Fui Yee
154	Lim Hai Win @ Johnson
155	Lim Ken Lip @ Richard
156	Lim Kian Siung
157	Lim Lih Chyun
158	Lim Men Heng
159	Lim Min Fung
160	Lim Nyet Lee Grace
161	Lim Shau Moi Elizabeth
162	Lim Siew Ha
163	Lim Tai Loong
164	Lim Wen Ay
165	Lim Yen Yen
166	Lim Yin Ling
167	Lim Yuh Yan
168	Lin Kiao Wei
169	Lin Shiau Ching
170	Lince Binti Muda
171	Linpali Binti Ismael
172	Lisa Rulu
173	Lo Chai Mei
174	Lo Li Jin
175	Lo Siau Wei
176	Lok Kong Git
177	Lu Guo Hua

178	Lu Khin Chung Phili
179	Ludia Bt Banne
180	Ludia Bt Yunus
181	Ludia Lungan
182	Ludia Tandi Bua
183	Ludia Tasi Sambara
184	Lumantas Mildred
185	Lumantas Rommel
186	Magdalena Bunga Yunus
187	Majar Majelus
188	Mak Kim Vun
189	Mariam Binti Simon
190	Markus Mangada
191	Martha Sampe
192	Martha Silambi Masola
193	Martha Tamba
194	Martin Lontong
195	Matiyos Juraman
196	Mauming Singkong
197	Melysa Binti Saiba
198	Mersi Menjari Patiung
199	Metti Kinas
200	Naomi Panglugo
201	Nereus Jaini
202	Ng Pei Ni
203	Ngui Moi Tshin / Ching
204	Ngui Suk Chin Anna
205	Nielynda Lapasaran
206	Nyap Pak Syn
207	Obet Yakub
208	Octophinus Yunus
209	Olivia Binti Naober
210	Pang Hon Chin
211	Pang Kyun Fung
212	Paulina Tandi Lembang
213	Peter Lukas
214	Preaziah Singkong
215	Pulina Ponno
216	Pun Yun Ling
217	Rachmawati
218	Rajendurai Guruparan a/l
219	Reta Yohanis
220	Rika Yohanis
221	Rita Binti Tipa
222	Rita Lebang Saleda
223	Rosalin Pang
224	Rose Anita Bio

225	Ruth Chang Mui Lee
226	Sampe Patabang
227	Sarce Minggu
228	Sarlota Palisu Tingson
229	Sarti Petrus
230	Sendy Yunus
231	Set Lukas
232	Sham Paulus
233	Shiak Fon Lye
234	Sieh Jenny Helena
235	Sii Lei Kwong
236	Sim Fung Ping
237	Sim Ka Vei
238	Soo Khiong Pin Shirley
239	Soo Wee Lan
240	Suleman @Sulaiman Bin Rarungan
241	Syifa Wendy Weli
242	Tai Kwong Yee
243	Tai Yuk Fien
244	Tan Lip Tung
245	Tan Mui Jung Adeline
246	Tan Suk Ming
247	Tan Ying Shiee
248	Tay Sai Hong
249	Tay Soon Hin
250	Teh Chong Lay
251	Ten Yuliana Elisnawati
252	Tham Nyuk Yin
253	Than Victor Bartholomew
254	Thien Kon Kiun
255	Thum Foong Huan
256	Ting Soon Sheng
257	Togu Junike Adelin
258	Tsen Kim Kau
259	Tsen Lip Ken Annie
260	Tsen Lip Oi Beverly
261	Tsen Siong Keat Samson
262	Vanny Imelda Sofjana
263	Voo Min Nyuk Lisa
264	Wong Chun Yee Alvin
265	Wong Chuu Whei
266	Wong Fui Chi
267	Wong Fui Jin Alison
268	Wong Fui Yung
269	Wong Fung Yin

270	Wong Kae Nicholas
271	Wong Kee Che
272	Wong Ken Min
273	Wong Shin Yi
274	Wong Siew Fong Jimmy
275	Wong Tshui Yin Ivy
276	Wong Tung Len
277	Wong Yin Fui
278	Yaqub Sakai
279	Yee Choi Len
280	Yee Lee Phin
281	Yeo John
282	Yohana Bte Tallo
283	Yohana Dalle
284	Yohanes Bumbungan
285	Yong Khai Vui Thomas
286	Yong Siew Jin
287	Yong Soo Vun
288	Young Chung Wai David
289	Yulius Peter
290	Yulius Sulo
291	Yusuf Daniel

**Observer Name List**

1	Ariyanti Xulius
2	Chang Yan Ming
3	Chia Siong Ngee
4	Chia Sze Hui
5	Emilia
6	Harun Yunus
7	Jonathan Tan
8	Josslyn Khoo Eng Xi
9	Judson Tsen
10	Kenny Wong Kat Sion
11	Kevin Immanuel Wong Zeng Hwa
12	Kong Chew Ching
13	Kwok Chang Lan
14	Lim Lily
15	Lim Wei Keng
16	Lim Xin Ping
17	Louis Russell Caluste
18	Maria Songgo
19	Martina Rumbe
20	Martita Pare
21	Nathan Hii Li Tian
22	Nyap Paw Mei
23	Rosdiana Sampe
24	Sargie
25	Sim Jia Min
26	Takuma Kato
27	Tiku Limana
28	Vikki Shim Yi Xuan
29	William Ng Wei Liang
30	Yap Mil Hong

## Laporan Warden

*Oleh Ps Dr James Ku, Ho Ken Kong, Frederick Chong & Saul Simon*

Salam dalam nama Tuhan kita Yesus Kristus,

Tahun 2019 dan 2020 dapat digambarkan sebagai tahun perayaan dan peringatan akan kebaikan dan kesetiaan Tuhan, terutamanya ketika kita memasuki tahun 2020, pandemik Covid-19 telah melanda seluruh pelosok dunia. Ibadah fizikal mingguan di gereja terpaksa ditutup kerana PKP yang dikuatkuasakan oleh pemerintah. Kita berterima kasih kepada Tuhan atas kesatuan dan tindakan segera pemimpin-pemimpin gereja kita; kita telah dapat memulakan ibadah Ahad secara dalam talian yang PERTAMA dalam jangka masa persiapan yang sangat singkat. Dengan rahmat Tuhan, hari ini, kita masih dapat terus menyembah Tuhan di rumah melalui siaran langsung setiap minggu.

Selama dua tahun kebelakangan ini, kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan kemudahan gereja kita terus berjalan. Kami telah menyelesaikan masalah banjir di gereja SPC dengan membina benteng pengawal air di pintu masuk bahagian sayap lama. Kami juga telah mengganti sengkuaip yang telah rosak dengan pelapik gelongsor aluminium di berandah taska. Selain itu, kami juga telah menghapuskan barang-barang yang usang dan kami masih memperbaiki sistem inventori.

Semasa PKP, peralatan kayu dalam kelas SPAA dan stor bahagian dapur telah diserang anai-anai. Syukur, masalah ini telah dikesan lebih awal dan telah ditangani dengan mengupah pakar kawalan perosak. Namun, kami akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa.

Baru-baru ini, pagar gereja kita telah usang dan secara amnya sudah reput dan perlu diganti. Ini telah dibawa ke perhatian dan perbincangan Ahli-ahli Majlis Gereja. Oleh itu, kami ingin mendorong para anggota gereja untuk berdoa memohon penyediaan dan hikmat dari Tuhan untuk menangani projek ini.

Kita bersyukur kepada Tuhan walaupun di tengah kesusahan, para anggota gereja kita masih terus memberi dengan murah hati kepada yang memerlukan. Gereja kita telah memberikan bungkusan bahan makanan sebanyak tiga kali kepada ratusan anggota gereja dan keluarga bukan anggota gereja dalam projek L.O.V.E. (Kasih). Kita mengucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan dan juga penyumbang/penderma yang telah membantu menjayakan kempen ini.

Akhir sekali, kami memohon agar kita semua terus berdoa untuk masa depan gereja kita dan berdoa agar Tuhan akan membangkitkan generasi pemimpin baharu untuk memimpin gereja kita kelak.

## Laporan Setiausaha Kehormat *oleh Helena Chai*

Tempoh pelayanan PCC yang sedia ada bermula dari 8.4.2019 dan berakhir pada hari ini (28.3.2021). Segala kemuliaan bagi Tuhan kerana kesetiaan-Nya dalam memimpin gereja kita untuk melalui Pandemik Covid-19 yang belum pernah berlaku sebelum ini yang mengakibatkan terjadinya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020 yang telah menyebabkan banyak perubahan yang tidak pernah terjadi sebelumnya dalam pentadbiran pelayanan gereja.

Pada hari Rabu, 18.3.2020, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan PKP, salah satu perintahnya ialah semua rumah ibadat tidak dibenarkan mengadakan ibadah. Berikutan itu, Bisyop Diosis kita, The Most Rev. Datuk Melter Jiki Tais mengumumkan penangguhan semua kebaktian dan pertemuan serta kelompok sel di seluruh Diosis. Semua pelayanan gereja dan kelompok sel kita terpaksa ditangguhkan. Sebenarnya, wabak Covid-19 di Sabah terjadi pada bulan Februari dan merebak dengan kadar yang membimbangkan sehingga kepemimpinan gereja kita bertindak terlebih dahulu sebelum pengumuman rasmi daripada kerajaan dibuat. Rektor kita Bisyop John Yeo telah pergi ke Turki untuk lawatan sambil belajar pada masa itu. Kita memuji Tuhan atas Pembantu Rektor kita, Rev Ho Kee Chung dan Warden Rektor Pastor Dr James Ku Fon Kiew, bersama dengan pasukan pastoral dan kakitangan teknikal telah dapat mengatur ibadah secara dalam talian dengan kemudahan yang kita ada pada masa itu. Maka, gereja kita telah mengadakan ibadah secara dalam talian yang pertama pada hari Sabtu, 15.3.2020 jam 7.30 malam untuk Dwibahasa (Bahasa Inggeris/Mandarin), Hakka dan BM pada 16.3.2020 masing-masing pada jam 8.00 pagi dan 11.00 pagi. Walaupun ianya merupakan permulaan yang sangat sederhana dalam keadaan yang kelam kabut, semua anggota gereja kita masih dapat menikmati Sabat/kebaktian sehingga hari ini. Bisyop John Yeo telah dimaklumkan mengenai semua keputusan melalui komunikasi elektronik. Beliau kembali ke Malaysia pada 17.3.20 dan setelah menjalani kuarantin, beliau kembali aktif dalam memimpin seluruh pasukan untuk terus maju ke hadapan. Kita memuji Tuhan kerana ibadah secara dalam talian dan pelayanan-pelayanan lain telah berjalan dengan lancar dan walaupun anggota-anggota gereja berjauhan secara fizikal namun telah hadir bersama-sama dalam ibadah. "Jauh di mata dekat di hati" telah menjadi slogan kita sejak Mac, 2020. Kami juga turut mengingati mereka yang menghadapi jaringan internet yang sangat lemah.

Pada tahun 2019, Ahli-ahli Majlis Gereja telah mengadakan 4 kali mesyuarat seperti yang dinyatakan dalam perlembagaan. Sepanjang tahun 2020, Ahli-ahli Majlis Gereja telah mengadakan 10 kali mesyuarat secara dalam talian kerana peraturan PKP yang sentiasa berubah dan yang juga telah mempengaruhi kerja pentadbiran gereja. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, Ahli-ahli Majlis Gereja sangat cermat dan teliti dalam memimpin gereja supaya tidak tercetus 'kluster baharu' penyakit Covid-19. Walaupun pihak Ahli-ahli Majlis Gereja ingin mendengarkan permintaan para anggota gereja untuk beribadah di gereja, namun kami juga sedar akan bahayanya virus Corona yang mudah berjangkit dan menyebabkan penyakit Covid-19. Semua mesyuarat telah berjalan dengan teratur. Segala keputusan telah dibuat dengan pemahaman dan persetujuan penuh dari Ahli-ahli Majlis Gereja.

Selain mesyuarat Ahli-ahli Majlis Gereja, EXCO juga telah mengadakan 4 kali mesyuarat rasmi secara dalam talian dan banyak perbincangan juga diadakan melalui Whatsapp sepanjang tahun 2020 mengenai perkara-perkara yang penting.



Seperti yang dilaporkan dalam laporan Mesyuarat Dwitahunan 2019 saya mengenai Tanah Perkuburan Batu 11, Jalan Apas, kita bersyukur kepada Tuhan kerana projek ini telah selesai pada bulan Mei 2020 dan siap untuk digunakan. Ia telah ditahbiskan oleh Bishop Diosis kita, Archbishop Gereja Anglikan di Asia Tenggara, The Most Rev. Datuk Melder Jiki Tais pada 15.8.2020 dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP). Kami mengucapkan terima kasih atas kemurahan hati anda dalam memberi kepada projek ini.

Ahli-ahli Majlis Gereja juga telah memilih Encik Matthias Chin, Encik Wong Kae dan Encik Gerald Caluste ke dalam Majlis Gereja 2019/2020.

2020 bukanlah tahun yang mudah tetapi kita bersyukur kepada Tuhan kerana 'Cukuplah kasih karunia-Nya bagi kita....' 2 Korintus 12: 9. Tuhan telah memimpin kita melalui tahun 2020 dengan aman. Bagi pihak Paroki St Patrick, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada anda semua atas kesetiaan anda dalam melayani dan pemberian anda kepada Tuhan sepanjang pandemic ini. Pemberian anda juga memampukan kita untuk menyumbang bekalan makanan kepada yang memerlukan dalam komuniti kita di sepanjang pandemic ini.

Semoga Tuhan terus memimpin kita dengan selamat melalui Pandemik ini dan seterusnya.

## Statistik 2019-2020

### 1. GEREJA ST. PATRICK

#### Kebaktian Ahad /Kanak-kanak / Kehadiran Muda-mudi – Purata tahunan bagi tahun 2019

	Kebaktian Ahad	Sel Kanak-Kanak	Sel Muda-Mudi	Jumlah
Inggeris	192	67	48	307
Cina	531	81	46	658
BM	953	155	306	1,412
Dwibahasa (Inggeris/Cina)	473	NIL	NIL	473
<b>Jumlah</b>	<b>2,149</b>	<b>303</b>	<b>400</b>	<b>2,852</b>

#### Kebaktian Ahad /Kanak-kanak / Kehadiran Muda-mudi – Purata tahunan bagi tahun 2020

	Kebaktian Ahad	Sel Kanak-Kanak	Sel Muda-Mudi	Jumlah
Inggeris	244	67	34	345
Cina	525	75	45	645
BM	902	115	145	1,162
Dwibahasa (Inggeris/Cina)	406	NIL	NIL	406
<b>Jumlah</b>	<b>2,077</b>	<b>257</b>	<b>224</b>	<b>2,558</b>

*\*Kehadiran Kebaktian Ahad adalah berdasarkan pada jumlah kehadiran kebaktian fizikal pada bulan Januari-Mac 2020*

Bahasa	Kebaktian secara dalam talian (Yang mengikuti kebaktian)	Tempoh
Dwibahasa (Inggeris/Cina)	432	Mar – Nov 2020
Hakka	220	Mar - Dis 2020
BM	322	Mar - Dis 2020
Inggeris	205	Nov – Dis 2020
Mandarin	205	Nov – Dis 2020
<b>Total</b>	<b>1,384</b>	

*\*Berdasarkan pada jumlah jemaah yang menonton kebaktian secara dalam talian\**

*Nota: Sila ambil maklum bahawa jumlah yang sebenar mungkin lebih banyak kerana terdapat jemaah yang mengikuti kebaktian bersama dengan keluarga*

### 2. Pusat Jangkauan Apas Batu 5

	Kebaktian Ahad	Sel Kanak-Kanak	Sel Muda-Mudi	Jumlah
<b>2019</b>	240	60	75	<b>375</b>
<b>2020</b>	211	45	48	<b>304</b>

*\*Kehadiran Kebaktian Ahad adalah berdasarkan pada jumlah kehadiran kebaktian fizikal pada bulan Januari-Mac 2020*

### 3. Jumlah Baptisan, Penetapan dan Kelompok Sel

#### bagi Gereja St. Patrick & Pusat Jangkauan Apas Batu 5

	Baptisan	Penetapan	Jumlah Sel
<b>2019</b>	91	96	280
<b>2020</b>	3	-	275

## Zon Dewasa (Inggeris)

Laporan oleh: Rev. Nelson Tai Zun Bin

### Kehadiran

Tahun 2019: 120 (purata)

Tahun 2020: 150 (purata)

### Layak Dipuji

- Projek Bintang Krismas, Kelompok Sel bekerjasama dengan kreatif untuk menghasilkan persembahan dan banyak lagi
- Membangkitkan seorang pemimpin Sel Belia serta sebuah Kelompok Sel Belia
- Pelantikan baharu: Joy Young sebagai Penyelaras Muda-Mudi Inggeris; Richard Tai bertanggungjawab atas Zon Belia Inggeris
- Penyesuaian diri dalam norma baharu: purata kehadiran Kelompok Sel dan Kebaktian secara dalam talian telah meningkat
- Sumbangan/bantuan untuk mangsa kebakaran di Penangah
- Bungkus makanan derma darah semasa PKP

### Bahan Doa untuk 2021/2022

- Gereja terus berhubung dan berkembang melalui platform dalam talian dan dapat berhubung semula dengan baik antara sama lain semasa pembukaan semula pelayanan dan kebaktian
- Hala tuju dan kebijaksanaan untuk penginjilan melalui platform dalam talian

### Perancangan untuk 2021/2022

- Penginjilan dan pemuridan melalui platform dalam talian
- Pelayanan "Hybrid" - membimbing dan melayani dengan berkesan dengan menggabungkan platform fizikal dan dalam talian

### Acara 2019/2020

- Perayaan Sel (3 kali) – 20 Februari, 22 Mei (Perkongsian Injil dengan "Menggunting Kertas"), 21 Ogos
- Kursus Alpha (dijalankan oleh Kelompok Sel)
- Bagaimana Membimbing: 25 Mac
- Kebaktian Bersama Keluarga: 30 Mac
- Konferensi Alkitab 2019 - Elisa (Di Bawah Bayang-bayang Sang Pendahulu) oleh Bill Crowder: 09-10 Julai
- Konferensi Kepimpinan Diosis 2019 (Cina/Inggeris): 11-12 Ogos
- Jalan Menuju Pembebasan: 30-31 Ogos
- Pertemuan Doa Semalaman Suntuk (Tri): 15-16 September
- Seminar Seks ABC oleh Pastor Victor Wong: 13 Oktober
